

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah inisiatif-inisiatif baharu Kementerian bagi memperkasa kebajikan warga emas di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Negara kita akan mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 apabila dianggarkan penduduk berumur 60 tahun dan ke atas adalah 15.3 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) 2011–2020 sedia ada masih dilaksanakan malah dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Platform tertinggi yang diperuntukkan di bawah dasar ini merupakan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) yang mana semua isu-isu semasa berkaitan warga emas boleh dibawa untuk perbincangan lanjut oleh semua agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan serta individu yang berkaitan.

Inisiatif kebajikan sedia ada yang dilaksanakan oleh Kementerian antara lain adalah Bantuan Orang Tua (BOT) berjumlah RM350 sebulan kepada warga emas yang layak, serta menyediakan institusi kebajikan iaitu Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan untuk menjaga golongan warga emas yang uzur, daif dan tidak mempunyai waris.

Dalam usaha mempertingkatkan perlindungan dan hak asasi warga emas, Kementerian sedang melaksanakan Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop bagi Pewujudan Satu Akta Khusus untuk Warga Emas di Malaysia. Akta ini juga bertujuan untuk mewujudkan sistem sokongan kukuh kepada warga emas dan penjaga atau keluarga yang terlibat. Draf RUU warga emas dijangka akan siap pada penghujung tahun 2020.

Cadangan pewujudan akta ini adalah selaras dengan hasil Kajian Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan dan Kajian, dengan izin, *Prevent Elder Abuse and Neglect Initiative* (PEACE) yang dilaksanakan oleh Universiti Malaya telah menunjukkan hasil kajian yang hampir sama iaitu prevalens atau kekerapan penderaan warga emas di Malaysia adalah lebih kurang 10%. Penggubalan akta ini bertujuan agar promosi dan perlindungan hak asasi warga emas dapat di perkasa dan seterusnya dapat meningkatkan kesejahteraan warga emas.

Kementerian juga sedang dalam tindakan untuk mewujudkan model penjagaan jangka masa panjang warga emas melalui Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang Yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia. Kajian yang dijangka akan selesai pada penghujung tahun 2020 akan mengambil kira keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi serta di dalam komuniti. Skop kesejahteraan dan kebajikan golongan warga emas serta penjaga akan dititikberatkan dalam kajian ini. Hasil kajian ini dijangka antara lain akan meliputi pembentukan model pembiayaan mampan serta pelan tindakan pelaksanaan penjagaan jangka masa panjang termasuk keperluan modal insan.

Seterusnya, KPKWM melalui kolaborasi dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan *United Nations Development Programme* (UNDP) juga akan melaksanakan projek daerah mesra warga emas atau dengan izin *age-friendly city* melalui projek rintis di Taiping, Perak. Projek rintis selama dua (2) tahun ini akan dijalankan berdasarkan panduan *age-friendly city* daripada *World Health Organisation* (WHO). Satu kerangka kerja bagi pewujudan daerah mesra warga emas ini akan dihasilkan yang mana boleh diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan lain kelak. YAB Timbalan Perdana Menteri telah merasmikan Pelancaran Projek Rintis *Age-Friendly City @Taiping* pada 30 Oktober 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian bercadang meningkatkan usaha memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya ibu bapa mengenai kesan penderaan emosi dan pengabaian terhadap anak-anak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)** telah melaksanakan program *Smart Parenting* kepada ibu bapa dan masyarakat setempat dalam menangani keselamatan anak. Melalui **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA)** yang diperkenalkan pada tahun 2017, sehingga kini seramai 400 orang fasilitator telah dilatih yang terdiri daripada pelbagai agensi dan NGO. Dari tahun 2017 hingga September 2019, sebanyak 230 program telah dilaksanakan dengan melibatkan seramai 7,910 peserta daripada ibu bapa di peringkat komuniti telah mendapat manfaat.

Selain daripada program PEKA, **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** turut melaksanakan kempen keselamatan kanak-kanak di sekolah dikenali sebagai **Sahabat B.I.J.A.K. : SAFE AND PROTECT**. Kempen ini telah dilancarkan pada Oktober 2014 yang bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan aspek keselamatan kanak-kanak termasuk literasi undang-undang kepada kanak-kanak sekolah, ibu, bapa, penjaga, guru-guru serta masyarakat.

Sehingga Julai 2019, seramai 76,229 orang kanak-kanak dan 337 buah sekolah telah mendapat manfaat dari kempen yang dijalankan. Kementerian amat menggalakkan penglibatan Yang Berhormat untuk melaksanakan program seumpama ini di kawasan masing-masing.

Kementerian telah menganjurkan satu Taklimat Modul Cakna Diri Lelaki kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat pada 5 November 2019 bertempat di Parlimen Malaysia. Menerusi taklimat tersebut, Ahli-Ahli Yang Berhormat disarankan bekerjasama dengan LPPKN untuk melaksanakan program ini di kawasan masing-masing.

LPPKN turut membangunkan kursus-kursus seperti *Keluarga@Kerja (Parenting@Work)* sejak tahun 2007 bagi membantu ibu bapa menyiapkan diri serta mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran ke

SOALAN NO. : 10

arah melahirkan keluarga yang berilmu. LPPKN juga turut menyediakan perkhidmatan sokongan emosi kepada keluarga dan anak-anak melalui perkhidmatan kaunseling di Pejabat LPPKN Negeri.

LPPKN turut melaksanakan Program Terapi Minda kepada masyarakat di seluruh negara. Program ini membantu peserta mengurus stres demi kesejahteraan diri serta memantapkan personaliti dalam pengurusan emosi. Program ini memberi penekanan kepada keseimbangan antara kognitif, fizikal dan emosi menggunakan kaedah terapi. Bermula tahun 2013 sehingga September 2019 sebanyak 260 program telah dilaksanakan melibatkan seramai 8,647 peserta di seluruh Malaysia.

Sehubungan itu, bagi memanfaatkan 28.7 juta pengguna Internet di Malaysia, fokus Kementerian akan beralih kepada bentuk digital dan *online* untuk *reach out* (dengan izin) masyarakat dan golongan sasaran kita pada hari ini. Sebagai contoh perkhidmatan KafeTEEN kepada remaja yang sebelum ini dalam bentuk fizikal telah ditambah baik menjadi digital dalam bentuk *online* yang dinamakan KafeTEEN *Mobile App* dan semenjak November 2018 dilancarkan ia telah memberi manfaat kepada seramai 3,440 pengguna *online* yang menggunakannya. Menyedari penggunaan sistem *online* tinggi di kalangan rakyat Malaysia, bermula tahun 2020 LPPKN akan membangunkan lebih banyak kursus seperti pra perkahwinan *Smart Start* dan kursus keibubapaan secara *online*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apa sebabnya orang kurang upaya (OKU) kebanyakannya datang dari keluarga kawasan setinggan dan apakah tindakan pencegahan yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan lahirnya anak OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dilaksanakan menurut Seksyen 22(1) Akta Orang Kurang Upaya 2008. Garis Panduan Pendaftaran OKU menetapkan bahawa pendaftaran OKU adalah secara sukarela dan hanya untuk warganegara Malaysia. Agensi yang terlibat dalam pendaftaran OKU adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pendaftaran OKU dilaksanakan di setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan terbuka kepada semua golongan masyarakat termasuk golongan yang tinggal di kawasan setinggan. Tiada bukti menerusi sebarang kajian yang menyatakan penduduk yang tinggal di kawasan setinggan yang ramai berdaftar sebagai OKU. Anggaran pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan 15% penduduk sesebuah negara adalah OKU secara umum meliputi seluruh negara termasuk kawasan bandar, luar bandar, setinggan, kampung, ladang, perkampungan orang asli dan sebagainya.

Menurut Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) sehingga Jun 2019 seramai **549,554** OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), program pencegahan masalah ketidakupayaan dilaksanakan semenjak tahun 1980-an melalui perkhidmatan promosi dan pendidikan kesihatan, saringan kesihatan ibu dan anak serta pengesanan dan intervensi awal masalah ketidakupayaan.

Bagi tujuan mengurangkan lahirnya anak OKU, fokus bermula dengan penjagaan kesihatan ibu hamil. Ia merangkumi penjagaan dan pemantauan kesihatan ibu dan bayi dalam kandungan sepanjang kehamilan, semasa bersalin dan selepas kelahiran serta menjamin kelahiran selamat. Antaranya adalah aktiviti pemberian vitamin asid folik bagi membantu melindungi bayi daripada masalah kecacatan saraf

tunjang (*Neural Tube Defect*) seperti kecacatan *Spina Bifida*, pemberian imunisasi ATT (*Anti Tetanus Toxoid*) kepada ibu hamil untuk mengelakkan jangkitan tetanus dan menyebabkan kejadian *Tetanus Neonatorum* dalam kalangan bayi, ujian VDRL/TPHA bagi mengesan awal masalah *Congenital Syphilis*, kawalan penyakit darah tinggi semasa mengandung bagi mengelakkan kelahiran pra matang dan komplikasi lain serta menggalakkan amalan cara hidup sihat seperti menjauhi rokok dan alkohol yang boleh menyebabkan bayi kecil (*Intrauterine Growth Restriction*).

Bayi baharu lahir dilakukan pemeriksaan fizikal dan kesihatan bagi mengenal pasti masalah ketidakupayaan yang jelas seperti *Down Syndrome*, supaya boleh dilakukan intervensi awal dalam mengurangkan kesan ketidakupayaan. Semua bayi ini juga diperiksa paras G6PD (*glucose-6-phosphate dehydrogenase deficiency*) bagi mengesan awal masalah jaundis (kuning) yang boleh menyebabkan *Kernicterus* yang akan berakhir sebagai kes *Cerebral Palsy*. Bayi juga disaring paras hormon tiroid bagi mengesan awal *Congenital Hypothyroidism* yang boleh menyebabkan masalah intelek. Selain dari itu, bayi dan kanak-kanak disaring bagi mengenal pasti tahap pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak, masalah pendengaran dan penglihatan dan tanda awal masalah tingkahlaku menggunakan *Modified Checklist for Autism in Toddlers* (M-CHAT).

Walau bagaimanapun, Kementerian berpandangan keadaan kurang upaya (*disability*) tidak seharusnya dilihat seolah-olah suatu wabak yang memerlukan pencegahan. Kita seharusnya menerima OKU sebagai sebahagian daripada masyarakat. Konsep inklusif perlu difahami dan dihayati oleh semua pihak. Kita seharusnya membantu OKU ke arah pemerkasaan dan pendayaupayaan agar pembangunan OKU berlangsung secara menyeluruh.